

BAB EMPAT: TOKOH-TOKOH VETERAN UMNO MELAKA

Di dalam bab yang terakhir ini, iaanya merupakan satu bab yang membariskan barisan Jawatankuasa UMNO Melaka sejak UMNO ditubuhkan pada 20 Mac 1948 hingga tahun 1988. Mereka ini dipilih kerana semangat kegigihan dan ketabahan dalam memikul tanggungjawab dan beban menganggotai Jawatankuasa UMNO sebagai jentera penggerak dengan menjalankan peranan yang berat bagi menyemarakkan semangat dan perjuangan dengan jayanya sehingga ke saat ini.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat puluhan jumlah pejuang-pejuang UMNO Melaka dalam tempoh-tempoh berikut tetapi malangnya sebahagian besar daripada mereka telah meninggal dunia. Hanya sebahagian kecil sahaja daripada mereka yang telah lanjut usianya yang dapat ditemui bagi tujuan penyelidikan ini. Kepada mereka yang telah pergi diiringi dengan doa semoga roh mereka dirahmati Allah SWT. Sesuai dengan pepatah Melayu “harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang dan manusia mati meninggalkan nama”. Kepada mereka yang masih ada penyelidikan ini cuba menampilkan diri dan semangat mereka yang sekian lama begitu setia dengan UMNO; kegigihan mereka diharapkan boleh menjadi satu pengajaran kepada generasi hari ini untuk menyambung perjuangan menegakkan maruah bangsa dan negara secara langsung dan tidak langsung. Tokoh-tokoh ini menjadi wakil kepada ratusan pemimpin kecil negeri Melaka.



Gambar 4.1: Jaafar Alang

Jaafar Alang

Beliau seorang pemimpin kecil UMNO yang gigih dan ikhlas dalam perjuangannya. Jaafar Alang berasal dari Kampung Sungai Udang, Melaka. Bapanya bernama Alang B. Haji Mohamad dan ibunya bernama Kesum Bt Haji Hussin. Beliau merupakan anak keenam daripada sepuluh orang adik beradik. Beliau lahir pada 3 Oktober 1913.¹

Pada 20 Jun 1927, Jaafar telah menduduki peperiksaan untuk menjadi seorang guru pelatih di Sekolah Melayu Pengkalan Rama, Melaka.² Dalam peperiksaan itu Jaafar telah berjaya mendapat markah yang tinggi dan berjaya melayakkan dirinya menjadi guru pelatih dan mengajar di Sekolah Melayu Tangga Batu pada 19 April 1927. Gaji sebagai guru pelatih amatlah rendah iaitu sebanyak \$15.00 sebulan dan \$1.10 sebagai kenaikan setiap tahun. Beliau amat tertekan dengan gaji itu kerana sakunya sering saja kosong dan tidak dapat membeli pakaian yang baik untuk pergi mengajar. Selain itu beliau mula merasa bosan kerana sering dimarahi oleh guru besar sekolah meskipun kerana kesilapan yang amat kecil sahaja. Beliau telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan dan ingin menjadi seorang kelas kapal seperti tiga orang bapa saudaranya. Namun selepas dinasihat oleh J.B Nelson seorang Nazir Sekolah Melayu Melaka,³ beliau telah berjaya dalam peperiksaan khas untuk memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris. (MPSI)

Pada 19 Mac 1930, Jaafar telah bertolak ke MPSI bersama-sama dengan 16 guru pelatih dari Melaka untuk menjalani kursus latihan perguruan selama tiga tahun. Pada 23 Disember 1932, beliau telah menamatkan latihan di MPSI dengan kelulusan cemerlang. Pada masa itu gaji guru lepasan maktab ialah \$30.00 sebulan jika tidak mempunyai sijil, jika mempunyai sijil kedua akan

dibayar gaji sebanyak \$32.50 dan bagi sijil pertama akan mendapat gaji sebanyak \$35.00 sebulan. Dikatakan nilai wang \$35.00 pada tahun-tahun 1930-an ialah dapat membeli enam guni beras Siam atau seekor ibu kerbau beranak satu.⁴

Jaafar mula berkhidmat sebagai guru pada 19 Februari 1933 di Sekolah Melayu Sungai Udang. Pada masa itu sekolah tersebut mempunyai murid lebih kurang 130 orang dan empat guru serta lima bilik darjah. Terdapat dua sumbangan besar beliau semasa mengajar di sekolah itu iaitu menubuhkan Syarikat Kerjasama Guru dan Murid dengan modal 10sen bagi satu saham. Jika murid-murid mempunyai kemampuan lebih, boleh membeli dua atau tiga saham. Manakala guru pula mesti membeli 10 saham di dalam syarikat itu. Daripada modal yang terkumpul akan dibeli peralatan sekolah seperti kalam, pensil, papan batu, dakwat dan sebagainya. Syarikat Kerjasama Guru dan Murid ini berjalan sehingga Perang Dunia Kedua (PDII). Manakala sumbangan beliau yang lain ialah menubuhkan pasukan badminton sekolah.

Pada 10 Januari 1950 beliau telah ditukarkan mengajar di Sekolah Melayu Kampung Gelam. Antara sumbangan besar beliau ketika mengajar di sekolah tersebut ialah berjaya meramaikan murid-murid belajar ke sekolah itu iaitu dari 170 orang murid dengan lima orang guru meningkat kepada 400 orang murid dengan 12 orang guru. Sumbangan lain semasa mengajar di situ ialah terdapat 13 murid sekolah tersebut berjaya dipilih menjadi guru pelatih pada tahun 1956. Beliau juga pernah menjadi Nazir Sekolah dengan gaji sebanyak \$450.00 sebulan sebelum dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemilih Guru-Guru Pelatih Melayu. Beliau bersara dari bidang perguruan pada 17 Mei 1964, setelah

berkhidmat selama 31 tahun di dalam usia 50 tahun 7 bulan. Gaji terakhir beliau ialah sebanyak \$555.00 sebulan

Jaafar Alang mendirikan rumah tangga dengan isteri pertamanya yang bernama Tijah Binti Baba pada 23 Februari 1933 dan dengan isteri keduanya bernama Rahmah Binti Baba pada 3 Januari 1938. Hasil perkongsian hidup dengan kedua orang isterinya itu, beliau telah dikurniakan 24 orang cahaya mata iaitu 15 orang dari isteri pertama dan sembilan orang dengan isteri kedua.⁵

Kegiatannya Di dalam Politik

Sebelum meletus Perang Dunia Ke-Dua, politik merupakan satu perkara yang ditakuti oleh orang ramai kerana mereka beranggapan politik adalah hendak menentang kerajaan atau ingin merebut kekuasaan.

Pada 1926, seorang tokoh dari Singapura yang bernama Mohd Yunus B. Abdullah dan beberapa cerdik pandai Melayu yang lain telah menujuhkan Kesatuan Melayu Singapura yang merupakan sebuah pertubuhan yang berbau politik kerana ingin menjaga hak kepentingan orang Melayu Singapura. Ini meransang Jaafar Alang dan beberapa orang yang lain menujuhkan cawangan di negeri Melaka yang dikenali sebagai Kesatuan Melayu Melaka pada tahun 1940. Ketuanya ialah Encik Abdul Hamid B. Haji Abdul, seorang Penolong Nazir Sekolah Melayu Melaka. Oleh kerana usaha beliau mencari ahli barutidak begitu berhasil, maka boleh dikatakan hanya beberapa orang Melayu terutama guru-guru Melayu yang menjadi ahli Kesatuan Melayu Melaka iaitu hanya tiga atau empat orang sahaja.

Jaafar Alang telah menganggotai Kesatuan Melayu Melaka sebelum PDII lagi. Tetapi semasa pemerintahan Jepun di Tanah Melayu semua kesatuan dihapuskan dan hanya kesatuan yang disukai oleh tentera Jepun sahaja seperti Kesatuan Melayu Muda yang dibenarkan hidup. Pihak Jepun telah melantik Encik Abdul Hamid B. Abdul sebagai ketua Kesatuan Melayu Muda Melaka. Tujuan sebenar Kesatuan Melayu Muda dibenarkan hidup adalah kerana jasanya menolong Jepun untuk menghalau British dari Tanah Melayu. Ia telah dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakub yang berasal dari Bentong, Pahang dan bekas guru MPSI. Bagi Kampung Sungai Udang dan Tangga Batu, satu cawangan telah ditubuhkan di Sekolah Melayu Tangga Batu pada 15 Mei 1942 dan Cikgu Abdul Karim Syarif terpilih sebagai ketua dan Jaafar sebagai setiausaha. Bagaimanapun Jepun mengharamkan KMM selepas mendapati ia cuba menentang Jepun.

Selepas Jepun menyerah kalah dalam PDII, Kesatuan Melayu Muda cuba menghidupkan kesatuan ini pada awal tahun 1946. Ketuanya ialah Encik Ali B. Salleh, Naib ketua ialah Haji Talib Karim, Setiausaha Encik Min B. Ali dan beliau sebagai Jawatankuasa. Sebelum perjumpaan menukuhan Kesatuan Melayu Muda, satu perjumpaan untuk menukuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya telah diadakan di Madrasah Haji Abdul Wahid pada 26 September 1945. Parti ini diketuai oleh Dr Burhanudin Helmy yang bertujuan menuntut kemerdekaan dengan cara kekerasan dan dengan bersatu bersama Indonesia. Jaafar telah terpilih menjadi pengurus parti namun akhirnya beliau telah menarik diri dari menjadi ahli parti itu kerana tujuan menuntut kemerdekaan yang diperjuangkan oleh parti itu secara kekerasan dan tergopoh-gapah.

Beliau telah menyokong kepimpinan Dato' Onn seorang pemimpin dari Johor yang mengetuai Persatuan Melayu Semenanjung Johor yang menuntut kemerdekaan secara cermat dan teratur. Dengan kerjasama yang kuat dari pemimpin-pemimpin Melayu dan dengan cadangan Dato' Onn, seluruh kesatuan, pertubuhan, persatuan orang Melayu telah mengadakan kongres di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946, untuk menentang penubuhan kerajaan Malayan Union British. British telah memperkenalkan Malayan Union pada bulan Januari 1946 dan melaksanakannya pada 1 April 1946. Orang Melayu menentang Malayan Union kerana ia akan menghapuskan ketuanan Melayu di negerinya sendiri.

Negeri Melaka telah menghantar wakil dari dua buah pertubuhan iaitu Kesatuan Melayu Melaka terdiri dari Ali B. Salleh sebagai ketua, Haji Talib B. Karim sebagai Naib Ketua dan Jaafar sebagai Jawatankuasa bersama dengan ✓ wakil Persatuan Melayu Semenanjung Melaka.

Dalam Kongres itu, Kesatuan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR atau UMNO ditubuhkan. Pada 21 November 1952, UMNO cawangan Sungai Udang telah ditubuhkan dan Jaafar telah dilantik menjadi pengurus. Dalam Mesyuarat UMNO Melaka beliau sebagai wakil dari Sungai Udang telah membentangkan usul supaya UMNO perlu mendirikan sebuah rumah UMNO untuk melancarkan pergerakan dan kegiatan UMNO di tengah-tengah Bandar. Usul beliau telah diterima dan dalam mesyuarat itu juga beliau telah dipilih menjadi Jawatankuasa Bahagian UMNO Melaka yang pada masa itu dipimpin oleh Encik Ghaffar Baba. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Pengurus Jawatankuasa Kecil Rumah UMNO Melaka. Salah satu cara mendapatkan wang bagi mendirikan rumah UMNO ini ialah dengan mengadakan '*funfair*', mengadakan pertunjukan

wayang gambar, pertunjukan pentas, kutipan derma dari orang ramai dan sebagainya. Akhirnya dengan kerjasama dari pihak Malayan Banking yang telah sanggup mendirikan rumah UMNO dengan syarat bahagian bawah bangunan itu hendaklah disewakan kepada Malayan Banking untuk menjalankan perniagaan, cadangan Jaafar Alang telah terisi.

Beliau telah terpilih menjadi Jawatankuasa Agung UMNO Bahagian Melaka berturut-turut. Tetapi pada tahun 1966 beliau tidak terpilih kerana ketika itu sedang mengerjakan haji di Mekah. Namun begitu pihak Jawatankuasa ingin memilih beliau secara lantikkan tetapi ditolak oleh beliau dengan alasan ingin berehat.

Ketika pemecahan UMNO Melaka dari satu bahagian kepada empat bahagian mengikut keluasan kawasan pilihanraya Parlimen, nama beliau telah dicalonkan dalam bahagian Batu Berendam. Ada yang mencadangkan beliau dipilih dalam beberapa jawatan seperti Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Pengurus dan Jawatankuasa. Beliau telah menerima pencalonan menjadi Pengurus Tetap Bahagian Batu Berendam dengan 247 undi dari 281 undi dalam Mesyuarat Agung di Bangunan MCA Melaka pada 24 Mac 1973.


Namun di dalam tahun 1974, beliau dapati terdapat permainan kotor para calon yang ingin merebut jawatan tersebut dan beliau seolah-olah seperti terlibat dalam undi kotor itu. Beliau telah mengambil langkah tidak lagi menerima pencalonan, tidak menghadiri Mesyuarat Agung dan menjadi ahli biasa.⁶ Dengan itu beliau terus bersara daripada arena politik.

Selain terlibat dalam kegiatan politik, Jaafar juga melakukan aktiviti kebajikan untuk mendekatkan dirinya dengan masyarakat. Antara kegiatan luar yang dianggotainya ialah pernah menjadi Pengurus Masjid Sungai Udang pada

13 Mei 1946, Jawatankuasa Syarikat Kenderaan Tanah Melayu Berhad pada 11 Jun 1962, Ahli Syarikat Kerjasama Skim Berhad pada tahun 1965, Pengerusi Syarikat Padi Tangga Batu pada 25 Jun 1976, Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Ahli Lembaga Pelawat tahun 1960, Pemeriksa Kira-kira dalam Syarikat Guru-guru Melaka pada 20 Disember 1950, Naib Yang Dipertua Kesatuan Guru-guru Melayu pada 7 Februari 1946, Pengerusi Tetap Pakatan Waris Kampung Sungai Udang dari tahun 1966 hingga 1976 dan banyak lagi.⁷

Sebagai mengenang jasanya, beliau banyak dianugerahkan pingat seperti Pingat Kerja atau Khidmat Lama, Pingat Pertahanan Peperangan, Pingat Peperangan Pasifik, Pingat Perang Dunia Kedua, Pingat Peringatan Malaysia yang dianugerahkan oleh kerajaan Malaysia pada 16 September 1963 dan Pingat Jasa Kebaktian hadiah daripada kerajaan negeri Melaka yang diserahkan oleh Gabenor Melaka pada 9 Ogos 1970.⁸

Kesimpulannya, Jaafar Alang adalah salah seorang tokoh UMNO yang terawal dan telah banyak berjasa, ikhlas dan berpengalaman luas dalam usaha menyatukan orang Melayu di dalam satu parti iaitu UMNO. Nama Jaafar Alang sepertutnya tidak dilupakan kerana usaha-usaha dan sumbangan beliau sebagai perintis awal penubuhan UMNO Melaka sejak tahun 1946 lagi. Sifatnya yang bersih dalam berpolitik patut menjadi contoh pemimpin politik terutama UMNO dalam membantu memajukan bangsa dan parti itu sendiri.



Gambar 4.2: Tun Abdul Ghaffar b. Baba

Tun Abdul Ghaffar b. Baba

Tun Abdul Ghaffar Baba seorang tokoh yang amat sinonim dengan kebangkitan dan perkembangan UMNO Melaka dan Malaysia. Beliau dilahirkan di Kuala Pilah , Negeri Sembilan pada 18 Febuari 1925.⁹ Bapanya bernama Baba B. Abdullah berasal dari Sungai Udang , Melaka dan ibunya bernama Saodah Binti Salleh, berasal dari Bemban , Melaka. Ibubapanya berhijrah ke Kuala Pilah untuk mencari rezeki, ayahnya pernah bekerja sebagai pemandu teksi, pemandu kereta lembu, penarik beca dan penoreh getah.

Ghaffar adalah anak yang keenam dari sembilan adik beradik. Kebanyakan adik beradiknya meninggal dunia kerana kemiskinan dan kekurangan zat makanan. Ibu Ghaffar meninggal dunia sejak beliau masih kecil dan bapanya pula meninggal dunia ketika beliau berumur lapan tahun.¹⁰ Dalam usia yang masih kecil ini Ghaffar telah menjadi anak yatim piatu. Beliau terpaksa menumpang di rumah bapa saudaranya yang juga hidup dalam keadaan miskin, ibarat "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang" di Sungai Udang.

Sejak bapanya meninggal dunia, beliau terpaksa hidup berdikari. Beliau pernah menjadi budak pemungut bola tenis kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Tunku Abdul Rahman¹¹ dengan upah 15 sen bagi satu permainan ketika berumur 10 tahun pada pertengahan tahun 1930-an.¹²

Ghaffar sedar bahawa pendidikan amat penting baginya untuk mengubah keadaan kehidupan yang sentiasa miskin itu. Ketika berusia 13 tahun beliau telah belajar di Sekolah Melayu Tangga Batu, Melaka dan selepas PDII iaitu

dalam tahun 1946, beliau memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak (MPSI).¹³

Kegiatan Dalam Politik

Setelah tamat pengajian, Ghaffar telah ditugaskan menjadi guru di Melaka. Pada tahun 1937, Ibrahim Haji Yaakob telah berusaha menubuhkan KMM yang terdiri dari belia-belia Melayu dari seluruh Tanah Melayu dan tahun 1940, cawangan KMM negeri Melaka telah ditubuhkan.¹⁴ Ghaffar telah mengikuti perkembangan tersebut dan telah menjadi ahli KMM cawangan Melaka.

Apabila Jepun kalah, orang-orang Melayu telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada bulan Oktober 1945, Ghaffar turut menjadi ahli PKMM. Beliau yakin dengan perjuangan PKMM yang ingin menuntut kemerdekaan memandangkan pemimpin dan ahli PKMM terdiri dari golongan bawahan dan sudah pasti PKMM akan dapat memainkan peranan penting membela nasib orang-orang Melayu.¹⁵ Semasa bergerak di dalam PKMM, Ghaffar telah memberi banyak sumbangan kepada PKMM dan banyak menghabiskan masa di pejabat parti untuk menjalankan urusan PKMM.¹⁶

Cita-cita untuk menuntut kemerdekaan bersama-sama rakan seperjuangannya di dalam PKMM terbantut apabila parti itu diharamkan oleh kerajaan British pada tahun 1948. Pengharaman ke atas parti ini bermakna kegiatan-kegiatan anggota PKMM juga turut diharamkan. Selama tiga tahun selepas parti ini diharamkan, Ghaffar tidak melibatkan dirinya di dalam mana-mana parti politik.

Apabila Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj dipilih menjadi Yang Dipertua UMNO menggantikan Dato Onn Jaafar pada tahun 1951 seterusnya perubahan mengubah slogan dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'¹⁷ dan ini telah mendorong ahli-ahli PKMM menyertai UMNO. Pada mulanya beliau mendaftar sebagai ahli biasa, kemudian dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO cawangan Masjid Tanah dan akhirnya beliau telah dilantik sebagai Setiausaha UMNO Negeri Melaka pada tahun 1951.

Ghaffar masih meneruskan tugasnya sebagai guru, tetapi tugas itu tidak menghalangnya untuk menyumbang tenaga bagi menghidupkan UMNO di Melaka. Bersama-sama beberapa anggota lain seperti Borhan Mohd Yaman, Jasmi Abdul Hamid dan beberapa anggota UMNO telah mengadakan ceramah-ceramah penerangan di seluruh pelusuk negeri Melaka. Biasanya beliau memberikan ceramah pada waktu malam manakala di hujung minggu, atau hari cuti beliau akan berada di pejabat untuk membuat kerja-kerja parti.¹⁸

Pada tahun 1955, Ghaffar telah dipilih untuk memegang jawatan Pengurus UMNO Melaka setelah mengalahkan Jasmy Abdul Hamid.. Pada tahun 1957, beliau telah dilantik untuk menduduki kerusi Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya. Setahun selepas itu pada 15 Januari 1955 beliau dilantik menjadi Ketua Penerangan UMNO Malaya menggantikan Syed Jaafar Albar.

Pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an, UMNO Melaka terkenal dengan gelaran 'politik guru'. Ketika itu amat sukar bertemu dengan anggota UMNO yang bekerja lain sebagai seorang guru. Selain daripada Ghaffar sendiri yang mengepalai 'politik guru' tokoh-tokoh guru lain yang terlibat di dalam UMNO Melaka ialah Cikgu Muhammad Nor, Cikgu Osman Syawal, Cikgu Ghani Ishak,

Cikgu Abdul Ghani Ali, Cikgu Borhan Mohd Yaman, Cikgu Ahmad Haji Abdullah dan Cikgu Thamby Chik.¹⁹

Pada tahun 1955, merupakan tahun yang menjadi titik tolak karier politik Ghaffar. Pada tahun tersebut Ghaffar telah dilantik menjadi ketua Bahagian UMNO Melaka, yang meletakkan dirinya sebagai orang yang teratas sekali dalam UMNO Negeri Melaka. Kemudian pada tahun yang sama, Ghaffar telah dipilih oleh parti Perikatan untuk bertanding di dalam pilihanraya umum yang pertama kali diadakan di Malaya. Di dalam pilihanraya tahun 1955 ini, Ghaffar telah bertanding di atas tiket Perikatan bagi kawasan Melaka Luar. Pertandingan dua penjuru antara Ghaffar dengan Jaafar Mohd Tan dari Parti Negara telah dimenangi oleh Ghaffar dengan majoriti 23969 undi.²⁰

Pada tahun 1959, Ghaffar sekali lagi telah bertanding di dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri (DUN), kali ini bagi kawasan Tanjung Keling. Dalam pilihanraya ini Ghaffar telah ditentang oleh calon dari Parti Islam Semalaya (PAS), Mohd Nor Nordin. Ghaffar telah berjaya dengan majoriti sebanyak 2742 undi.²¹

Dalam tahun yang sama, negeri Melaka sedang mencari seorang tokoh politik yang berwibawa dan bertanggungjawab untuk dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka yang pertama. Dengan sokongan anggota-anggota UMNO Melaka dan persetujuan dari UMNO Malaya, Ghaffar telah dilantik menjadi Ketua Menteri yang pertama pada 1 Jun 1959. Perlantikan ini juga menjadikan beliau seorang Ketua Menteri yang paling muda sekali pada masa itu yang mana ketika itu beliau berusia 34 tahun.²²

Di bawah pimpinan Ghaffar, negeri Melaka telah menuju ke arah kemajuan. Boleh dikatakan sejak beliau menjadi Ketua Menteri, beliau telah

mula merancang beberapa projek untuk pembangunan dan kemajuan rakyat serta negeri Melaka khususnya. Ghaffar telah memperkenalkan berbagai-bagai projek kemajuan; ekonomi dan sosial, termasuklah bidang pelajaran, pertanian dan perikanan. Antara projek-projek yang dilaksanakan oleh beliau ialah projek menternak lembu dan kambing, projek perpustakaan bergerak, projek menambah dan membaiki kemudahan infrastruktur dan juga projek pembukaan tanah untuk dijadikan kawasan rancangan pertanian sekelompok.²³

Sejak menjadi Ketua Menteri Melaka, Ghaffar bukan sahaja pernah dikritik dan dicabar untuk meletakkan jawatan tetapi juga pernah dimaki, difitnah dan diburuk-burukkan oleh parti pembangkang terutama sekali Sosialis Front. Banyak isu telah dibangkitkan oleh Sosialis Front untuk melemah dan menjatuhkan kedudukan serta pengaruh politik Ghaffar. Antara isu-isu itu ialah pinjaman wang oleh Majlis Perbandaran Melaka untuk membina tandas tarik, isu kononnya Ghaffar mengambil tanah kerajaan dan menjual tanah kawasan bandar Melaka, isu mogok pekerja-pekerja syarikat bas dan beberapa isu lain.²⁴

Sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan pengaruh Sosialis Front dan parti-parti pembangkang yang lain, Ghaffar telah menjalankan kempenkempen yang boleh mengalihkan sokongan rakyat daripada Sosialis Front kepada Perikatan. Memandangkan pada awal tahun 1960-an negara masih lagi dalam peringkat memperkemaskan diri dan mengukuhkan perpaduan kaum setelah tamat darurat pada tahun 1960, Ghaffar telah menjalankan kempen balas untuk menghapuskan kepercayaan rakyat terhadap perjuangan Sosialis Front dengan komunis. Menurut Ghaffar, parti yang mengamalkan dasar sosialis adalah parti yang memegang ideologi komunis. Ghaffar khuatir dengan sikap yang ditunjukkan oleh Sosialis Front, kepentingan orang Melayu akan hilang

jika parti itu dapat memerintah. Oleh itu Ghaffar sering mengingatkan rakyat supaya jangan benarkan 'komunis' (Sosialis Front) bermaharajalela di negara ini.²⁵

Selain daripada itu cabaran yang paling besar yang dihadapi oleh Ghaffar semasa beliau menjadi Ketua Menteri ialah masalah perpaduan orang Melayu. Walaupun orang Melayu mempunyai satu agama iaitu Islam dan sebangsa pula tetapi perpecahan di kalangan mereka adalah kerana fahaman politik. Ghaffar pernah menyatakan rasa kekhuitirannya tentang perkara ini dalam kempen pilihanraya 1964. Beliau berpendapat perpecahan dan sikap berpuak-puak akan wujud jika PAS dapat menyebarkan pengaruh mereka di Melaka. Hal ini dijelaskan oleh Ghaffar Baba kepada penduduk Paya Rumput, Melaka. Beliau berkata:

Saya tahu penduduk Paya Rumput sekarang tidak bersatu dan berpuak-puak sehingga ada dua jawatankuasa dalam sebuah masjid. Hal ini amat merugikan kemajuan kampung. Fahaman politik hendaklah jangan diseret-seretkan ke dalam pergaulan masyarakat.²⁶

Ghaffar telah menjadi Ketua Menteri Melaka selama sembilan tahun. Dalam tahun 1967, atas permintaan Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj , Ghaffar telah menerima tawaran Tengku untuk memimpin Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menjadi agensi utama kerajaan bagi membantu bumiputera dalam bidang ekonomi.²⁷ Ghaffar kemudian dilantik sebagai Senator dan pada Mac 1968 menjadi Menteri Tidak Berjabatan dan kemudian menjadi Penggerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Beliau meletak jawatan Penggerusi Mara dan FAMA pada Mac 1969.²⁸

Pada Mei 1969, Ghaffar dilantik menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar setelah memenangi kerusi Parlimen Melaka Utara dalam pilihanraya umum. Beliau bertanding dan menang sekali lagi di kawasan

Parlimen Alor Gajar sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihanraya umum Ogos 1974²⁹ dan dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Pada tahun yang sama, Ghaffar dilantik sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional kerana mempunyai ketokohan dan sebagai pendamai di kalangan parti-parti kompenan.

Pada tahun 1976, beliau telah meninggalkan kabinet setelah Perdana Menteri ketika itu Tun Hussien Onn membuat rombakan kabinet dengan melantik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika itu menjadi Menteri Pelajaran) sebagai timbalannya. Manakala Ghaffar masih mengekalkan kedudukannya sebagai anggota Parlimen dan Setiausaha Agung Barisan Nasional.³⁰

Setelah keluar dari kabinet, Ghaffar melibatkan diri dengan aktif dalam perniagaan dan penglibatannya memuncak pada tahun 1980 apabila syarikat Pegi Malaysia Berhad yang beliau menjadi Pengurusnya, cuba mengambil alih syarikat Dunlop Holding. Percubaan itu telah menggoncangkan dunia koperat London menyebabkan perubahan ketara dalam urusniaga sahamnya, terutama mengenai urusan pembelian saham melalui syarikat Nominee Dunlop Holdings yang pada masa itu menguasai dua syarikat Malaysia iaitu sebuah syarikat berasaskan perladangan iaitu Dunlop Estates dan syarikat membuat tayar iaitu Dunlop Malaysian Industries.

Ghaffar juga menjadi Pengurus Eksekutif Kompleks Kewangan Malaysia Berhad, Pegi Malaysia Berhad dan Dunlop Estate Berhad. Beliau juga adalah rakyat Malaysia pertama menjadi anggota Lembaga Pengarah Dunlop di London dari tahun 1983 hingga tahun 1984.³¹

Ghaffar juga masih kekal sebagai Ahli Parlimen kawasan Jasin setelah memenangi pilihanraya umum 1978.³² Pada bulan September tahun yang sama dipilih sebagai Naib Presiden UMNO pada pemilihan 26 Jun 1981.

Apabila Datuk Musa Hitam meninggalkan kabinet pada tahun 1986, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Ghaffar sebagai timbalannya pada 10 Mei 1986³³ setelah sepuluh tahun selepas beliau meninggalkan babinet dalam usia 61 tahun. Pada Ogos 1986, Ghaffar sekali lagi memenangi kerusi Parlimen Jasin pada pilihanraya umum dan pada rombakan kabinet 11 Ogos 1986, Ghaffar sekali lagi dilantik sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di samping kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.³⁴

Dalam pemilihan UMNO pada April 1987, Ghaffar telah mengalahkan Datuk Musa Hitam dengan kelebihan 40 undi bagi jawatan Timbalan Presiden setelah mendapat 739 undi. Beliau kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri serta dilantik semula sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perlantikan kabinet pada 20 Mei 1987. Apabila UMNO diharamkan pada tahun 1988, Ghaffar dilantik sebagai Timbalan Presiden Jawatankuasa Penaja UMNO (Baru). Bagaimanapun setelah UMNO dipulihkan, Ghaffar Baba telah digantikan oleh Anwar Ibrahim pada tahun 1990 sebagai Timbalan Menteri Malaysia. Ini menyebabkan Ghaffar Baba bersara terus daripada politik negara.

Sebagai kesimpulannya, Ghaffar Baba dapatlah dikategorikan sebagai seorang Negarawan Malaysia yang istimewa dan tersendiri kerana mempunyai pengalaman yang amat luas dalam politik dan berperibadi mulia. Kewibawaan Ghaffar sebagai seorang tokoh politik veteran UMNO amat jelas kelihatan apabila adanya krisis dalaman UMNO. Beliau merupakan satu-satunya ahli

politik yang tidak pernah kecundang dalam pilihanraya umum sejak tahun 1955.

Walaupun usianya kini telah lewat 70-an namun Ghaffar masih mampu menjalankan tugas-tugas wakil rakyat dengan menjadi Ahli Parlimen Batu Berendam. Tun Abdul Ghaffar B. Baba adalah satu-satunya Pejuang Kemerdekaan dihormati sehingga hari ini. Perlantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia adalah satu penghormatan tertinggi negara untuknya dan anugerah Allah SW.T kepada umatnya yang telah diuji ketabahannya sebagai anak miskin yang yatim piatu dan hanya bersekolah Melayu. Pencapaiannya amat 'klasik' dan patut dicontohi.



Gambar 4.3: Datuk Abdul Ghani b. Ali

Datuk Abdul Ghani B. Ali

Beliau adalah Ketua Menteri melaka yang ketiga dan pemimpin UMNO negeri Melaka yang gigih. Abdul Ghani dilahirkan di Kampung Ramuan China Kecil³⁵ pada 9 Jun 1924. Bapanya bekerja membuat perahu dan mereka hidup dalam kemiskinan. Abdul Ghani mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ramuan China Kecil sehingga darjah lima. Selepas itu beliau menjadi guru pelatih sehingga tahun 1940 di sekolah yang sama. Selepas PDII, Abdul Ghani telah terpilih untuk mengikuti kursus perguruan selama tiga tahun di MPSI Perak. Di MPSI beliau dan Ghaffar Baba mendapat didikan dari segi pengalaman perguruan dan politik kerana di MPSI tahun 1930 telah ditubuhkan Pertubuhan Belia Malaya. Satu perkumpulan pelajar-pelajar Melayu yang mempunyai keinsafan dan kesedaran untuk membela nasib orang-orang Melayu di kampung-kampung dan ingin berjuang membebaskan negeri ini dari belenggu penjajahan khusus bila tamat kursus dan kembali ke kampung masing-masing.

Abdul Ghani telah melangsungkan tiga kali perkahwinan namun perkahwinan keduanya dengan Kalsom b. Abu pada 1960 dan perkahwinan ketiganya dengan seorang gadis Cina masih kekal.

Kegiatan Dalam Politik

Usaha membawa masuk UMNO ke kawasan Ramuan China adalah dari pemikiran Abdul Hadi Yunus³⁶ seorang guru keluaran MPSI. Dari sini Abdul Ghani terlibat secara langsung dalam negeri Melaka dengan menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan Ramuan China Kecil dan Bahagian Alor Gajah. Tidak lama kemudian Abdul Ghani telah dilantik menjadi Pengerusi UMNO Cawangan Ramuan China Kecil. Kecergasan dan sikap penuh minat

yang ditunjukkan oleh Abdul Ghani telah menyebabkan beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Bahagian Alor Gajah.

Pada awal tahun 1960, Abdul Ghani meletakkan jawatan sebagai guru dan memberi sepenuh perhatian terhadap politik. Sehubungan dengan itu beliau telah dicalonkan untuk bertanding jawatan wakil rakyat dalam pilihanraya tahun 1964. Dalam pertandingan ini beliau telah ditentang oleh dua parti lawan iaitu calon dari Parti PAS bernama Abdul Latiff Md Yassin dan calon dari Parti Sosialis bernama Abdul Rahim Hj Basir. Keputusan pilihanraya ini telah dimenangi oleh Parti Perikatan di bawah Abdul Ghani dengan jumlah 2826 undi dan telah menewaskan calon Parti Sosialis yang hanya memperolehi 875 undi dan calon PAS dengan undi 553 undi sahaja. Dengan kejayaan ini beliau menjadi Wakil Rakyat Ramuan China Kecil dari tahun 1964 hingga 1969.

Sewaktu pilihanraya tahun 1969, Abdul Ghani buat kali kedua dicalonkan bagi bertanding di kawasan yang sama. Pada kali ini beliau ditentang oleh calon tiga parti pembangkang. Penentangnya ialah BEBAS di bawah Abdul Ghani Long, Parti Sosialis diwakili oleh Abdul Rahim Hj Basir dan Parti PAS di bawah Abdul Latiff b. Md Yasin. Kedua-dua wakil Parti Sosialis dan Parti PAS adalah tokoh yang sama dalam pilihanraya 1964 dulu. Keputusannya sekali lagi dimenangi oleh UMNO di bawah Abdul Ghani dengan memperolehi jumlah 2166 undi menewaskan Abdul Ghani Long dari BEBAS yang mendapat 727 undi dan Abdul Rahim Hj Basir dari PAS di bawah Abdul Latiff b. Md Yassin yang hanya memperolehi 596 undi sahaja.³⁷

Semasa beliau menjadi Wakil Rakyat, beliau telah banyak menjalankan tanggungjawab untuk memberi faedah kepada masyarakat kampungnya. Antaranya ialah memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup orang

Melayu, dengan berusaha membantu anak-anak kampung yang cerdik tetapi kurang berkemampuan dalam pendidikan. Pemberian tanah kepada penduduk yang tidak mempunyai tanah supaya orang kampung mempunyai sedikit harta tanah sendiri sekurang-kurangnya untuk membina rumah kediaman tanpa bergantung kepada tanah orang lain. Selain itu beliau berusaha melengkapkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan api, membina jalan raya yang sebelum ini hanya batu-batu kelikir dan tanah merah sahaja.

Dalam menambahkan ahli UMNO Ramuan China, beliau telah melancarkan gerakan penerangan setiap ceruk dan kampung dalam kawasan-kawasan bagi menambah jumlah ahli-ahli baru. Syarahan dan ceramah-caramah politik yang berbentuk kesedaran dan betapa peluang masyarakat kampung yang terlibat secara langsung. Antara kempen-kempen penerangan tentang matlamat Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua dan prinsip-prinsip Rukunegara yang pada pandangan Abdul Ghani masih kurang difahami oleh orang Melayu.

Abdul Ghani telah dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka menggantikan Dato' Talib Karim pada tahun 1972. Sepanjang Abdul Ghani mengetuai negeri Melaka, beliau telah bekerja keras meningkatkan kegiatan ekonomi, keaktifan berpolitik, pelajaran, kebajikan sosial dan menjalankan hubungan baik dengan kerajaan pusat dan negeri-negeri lain.

Tumpuan ekonomi pertama yang dilakukan ialah terhadap sektor perindustrian. Kawasan-kawasan negeri Melaka yang diramalkan sesuai untuk didirikan kilang-kilang perusahaan dikaji dan disediakan. Kawasan-kawasan perindustrian yang dimajukan ialah di Ayer Keroh, Batu Berendam, Bukit Rambai, Alor Gajah, Merlimau dan Tanjong Keling. Sebahagian daripadanya

adalah menyambung usaha Haji Talib Karim yang tergendala. Beliau juga merancang untuk memperbaiki perkhidmatan awam supaya lebih cekap, mengadakan kempen kebersihan dan aktiviti sosial serta taman rekreasi untuk faedah penduduk dan menyediakan lebih banyak ruang niaga khasnya kepada bumiputera.³⁸

Rancangan perumahan kerajaan dan swasta ditambah sehingga soal rumah tidak lagi menjadi masalah di Melaka. Kawasan-kawasan perumahan utama seperti di Pringgit Jaya, Taman Asean dan Bukit Sebuku Kota Laksamana.³⁹ Tanah-tanah Simpanan Melayu yang tidak sesuai untuk tanaman dibuka untuk dibuat projek perumahan kos rendah untuk bumiputera.⁴⁰


Satu lagi projek besar yang dilaksanakan ialah membina pusat Latihan Perkapalan yang terletak di Tanjong Dahan, Kuala Sungai Bahru. Apa yang penting ialah projek seluas 400 ekar itu terletak dalam kawasannya sebagai Wakil Rakyat dan diluluskan oleh kerajaan negeri di bawah pentadbirannya sebagai satu pendekatan menjadikan Melaka sebagai pusat tumpuan dari berbagai negeri dan negara. Projek usahasama antara Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (MISC), Yayasan Kuok, Internasional Maritim Carriers dan kerajaan Malaysia ini memberi peluang kepada belia-belia lelaki sahaja yang kurang maju dalam akademik, diberi latihan perkapalan di samping membentuk disiplin dan usaha tanggungjawab di hati setiap pelajar. Ia menelan belanja 3 juta ringgit dan memulakan aktiviti pada pertengahan tahun 1977. Pusat Latihan Perkapalan ini telah ditukar namanya kepada Akademi Laut Malaysia (ALAM) pada tahun 1981.⁴¹

Semasa beliau menjadi Ketua Menteri, beliau telah mendapat tentangan hebat daripada sekumpulan Wakil Rakyat yang menggelarkan diri mereka Geng

11 yang semata-mata ditubuhkan untuk menentang Abdul Ghani.⁴² Geng 11 dietuai oleh Cikgu Ghani Ishak dan didalangi oleh Ghabar Baba. Puncak ketegangan konflik ini tercetus oleh isu tanah Sri Lingga. Mengenai isu tanah Sri Lingga yang seluas 3300 ekar di Kuala Linggi sering dikarami air masin dan tidak ada tumbuhan boleh hidup kecuali pokok gelam. Untuk mengusahakannya, Ghaffar Baba sendiri telah berjumpa dengan pakar tanah untuk mendapat khidmat nasihat. Apabila tanah tersebut boleh diusahakan, Ghaffar bercadang untuk membahagikan dua per tiga seorang kepada penduduk kampung tetapi atas nama dan kerjasama orang Melayu di Kuala Linggi untuk ditubuhkan sebuah estet berkelompok. Tetapi apabila Ghani menjadi Ketua Menteri beliau pada dasarnya mempraktikkannya menjadikan tanah itu sebuah estet yang bernama Sri Lingga tetapi sebenarnya hanya untuk saedah atau milik beliau, keluarga serta penyokong beliau sahaja.⁴³

Penyelewengan Ghani Ali ini telah dibongkarkan oleh Geng 11 yang dipelopori oleh Ghaffar Baba, orang yang merangka cadangan awal tanah Sri Lingga. Akibat dari kelemahan-kelemahan dan masalah kerenggangan hubungan beliau dengan Wakil Rakyat yang lain dan kesan dari masalah tanah itu telah membawa kepada berakhirnya kerjaya politik Abdul Ghani. Tempatnya sebagai Ketua Menteri Melaka diambil alih oleh Mohd Adib b. Adam yang menang dalam pilihanraya umum 1978.

Kesimpulannya Ghani Ali merupakan salah seorang Ketua Menteri yang banyak menyumbangkan jasa kepada negeri Melaka khasnya rakyat Melaka. Namun selepas beberapa tahun kejujurannya berbakti kepada rakyat terserlah mula dipersoalkan sehingga menjadi racun yang membunuh kerjaya politiknya dan imejnya sebagai pemimpin rakyat.



Gambar 4.4: Datuk Wira Borhan Md Yaman

Datuk Wira Borhan B Mohd Yaman

Borhan B Mohd Yaman dilahirkan pada 17 April 1929 di Kampung Lubuk Redan, Sungai Baru, Melaka.⁴⁴ Ayahnya bernama Mohd Yaman B Mamat dan ibunya bernama Badar Bte Samdin. Keluarganya menjalankan kerja-kerja dalam bidang pertanian seperti menoreh getah, bersawah padi dan berkebun. Antara tanaman yang ditanam oleh keluarganya ialah jagung, ubi, ubi keladi, sayur-sayuran dan sebagainya. Borhan mempunyai tiga orang adik beradik iaitu dua lelaki dan seorang perempuan. Adik lelakinya telah meninggal dunia sejak kecil lagi.

Borhan mula mendapat pendidikan awal pada tahun 1935 di Sekolah Melayu Lubuk Redan sehingga tahun 1941 dalam darjah lima dan darjah enam di Sekolah Kebangsaan Sungai Bahru. Pada masa itu keadaan hidup sangat susah kerana bukan sahaja sukar untuk mendapatkan beras tetapi juga pakaian. Kelambu-kelambu dijadikan baju begitu juga guni-guni telah digunakan bagi melindungi tubuh badan daripada keadaan sejuk dan panas. Pakaian-pakaian yang koyak ditampal dengan getah. Bila panas getah menjadi cair dan melekat pada kulit dan bulu rompa akan terasa begitu perit pada kulit jika baju hendak ditanggalkan daripada badan.

Pada 1 November 1946, Borhan mula menjadi guru pelatih dan mengajar di Sekolah Melayu Sungai Baru dengan mendapat gaji sebanyak 15 ringgit sebulan. Menurut beliau dengan gaji \$15.00 itu hanya dapat membeli kain pelekat sehelai manakala kain benang mentah dalam pasaran masa itu berharga \$7.00 hingga \$8.00. Ini kerana selepas perang, barang-barang masih mahal harganya. Wang gajinya sering tidak mencukupi. Kebetulan pada masa itu

beliau mengajar sekolah pada sesi petang dan waktu paginya beliau terpaksa menoreh getah untuk mencari sumber pendapatan yang lain.⁴⁵

Borhan telah memasuki Latihan Normal atau lebih dikenali sebagai TUOS setelah beliau gagal memasuki MPSI kerana gagal menduduki peperiksaan khas. Di Melaka pusat guru TUOS ialah di Sekolah Melayu Kubu Melaka. Kursus ini diadakan setiap hari Sabtu selama tiga tahun dengan sukanan matapelajaran Bahasa Melayu, Ilmu Latihan Guru, Tawarikh, Ilmu Hisab dan Ilmu Alam.

Setelah tamat kursus TUOS pada tahun 1951, beliau telah berpindah ke Sekolah Melayu Lubuk Redan. Pada 21 Disember 1952 beliau mendirikan rumah tangga dengan seorang guru Normal dari Kampung Melaka Pindah, Alor Gajah iaitu Cikgu Maimunah Bt Md Shah.

Beliau pernah mengajar di Sekolah Melayu Limbongan pada tahun 1952 dan Sekolah Melayu Parit Melana pada tahun 1954 sebelum memasuki Maktab Perguruan Bukit Senyum, Johor Baharu. Selepas tamat, beliau mengajar di Sekolah Menengah Pay Fong dari tahun 1959 hingga tahun 1961 dan kemudian bertukar di Sekolah Menengah Yok Bin, Air Lelch Melaka dari tahun 1962 hingga Julai 1964. Borhan juga pernah menjadi Pengelola Pelajaran Dewasa Negeri Melaka pada 28 Julai 1964. Selepas Peristiwa 13 Mei 1969, Pelajaran Dewasa telah bertukar kepada Kelas Kemajuan Masyarakat Negeri Melaka (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1970 . Beliau menjadi Pengarah KEMAS Melaka.⁴⁶ Setelah tamat daripada berkhidmat di situ beliau menjadi guru di Sekolah Henry Gurney negeri Melaka sehingga tahun 1984.⁴⁷

Kegiatan Di dalam Politik

Borhan Mohd Yaman mula memasuki pertubuhan UMNO sebagai ahli biasa pada tahun 1951 ketika berusia 22 tahun bersama-sama dengan beberapa orang rakan seperjuangannya bagi menggerakkan UMNO Melaka.⁴⁸ Menurut beliau, UMNO merupakan salah satu organisasi politik yang memainkan peranan penting memperjuangkan kedudukan dan nasib orang Melayu di negeri ini. Langkah dan usaha pertama yang dijalankan oleh Borhan pada masa itu ialah menubuhkan cawangan-cawangan UMNO seberapa banyak yang boleh dan meramaikan ahli-ahli UMNO.

Pada tahun 1953 beliau telah dilantik menjadi Anggota Jawatankuasa UMNO Melaka. Pada tahun 1954 beliau dipilih menjadi Penolong Setiausaha Pemuda UMNO Melaka dan pada tahun 1955 beliau dipilih menjadi ahli Jawatankuasa UMNO Melaka. Kemudian beliau menyandang jawatan sebagai Setiausaha UMNO Melaka UMNO Melaka bermula 1 April 1956 hingga 1 Januari 1958 dan terpaksa berhenti seketika kerana menyambung pelajaran ke Maktab Perguruan Bahasa Bukit Senyum, Johor Baharu selama satu tahun.⁴⁹

Selepas tamat pengajian pada tahun 1959 beliau telah dipilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Melaka sehingga tahun 1969. Di samping itu juga beliau telah dipilih menjadi Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaya dari tahun 1961 hingga 1971 di bawah pimpinan Tan Sri Senu Abdul Rahman.⁵⁰

Setelah beliau gagal untuk memecahkan UMNO Melaka kepada empat bahagian pada tahun 1969 yang ketika itu UMNO Melaka di bawah pimpinan Tun Ghaffar Baba, beliau telah mengambil langkah drastik meletak jawatan

sebagai Ketua Pemuda UMNO Melaka. Walaupun permintaannya tidak berjaya namun pada tahun 1972 UMNO Melaka telah dipecahkan kepada empat bahagian ; harapannya telah menjadi kenyataan.⁵¹

Semasa beliau bergiat cergas di dalam parti, banyak aktiviti-aktiviti pembangunan dan kemajuan telah dijalankan. Selain dari tugasnya untuk menjaga pentadbiran UMNO Melaka, beliau juga mengambil aduan-aduan wang orang ramai mengenai sesuatu perkara dan kemudian disalurkan melalui wakil rakyat dan akhirnya kepada kerajaan negeri. Selain daripada itu parti juga merupakan alat penerangan kerajaan bagi menerangkan apa sahaja untuk rakyat. Contohnya ketika kerajaan ingin membuat pembangunan di luar bandar maka parti akan memberi keterangan mengenai tujuan rancangan ini untuk menaikkan ekonomi orang Melayu, membina lebih banyak sekolah menengah, saluran biasiswa pelajaran dan sebagainya.⁵²

Selain menceburi bidang politik, di waktu mudanya beliau terlibat dalam bidang penulisan. Banyak hasil karyanya disalurkan ke dalam *Majalah Guru*. Selain daripada menulis rencana, beliau banyak menulis puisi khususnya puisi yang bertemakan perjuangan. Dengan menggunakan nama penanya 'BURMY', Beliau telah menghasilkan banyak sajak di antaranya 'Rela Membela' (*Majalah Guru* 1951), 'Pemuda! Seruanku' (*Majalah Guru* November 1952), 'Penganjur' (*Majalah Guru* 1954), 'Manifesto Palsu' (*Merdeka* 1954) dan 'Lambang Kota Melaka' (*Majalah Guru* 1954).⁵³

Pada tahun 1973, beliau telah meletak jawatan sebagai Pengarah Kemas Melaka dan kemudian menyambung kerjayanya sebagai guru di Sekolah Henry Gurney II di Bandar Hilir bermula 1 Januari 1974 hingga April 1984. Di situ beliau mengajar pelajaran Bahasa Melayu dan Kaunseling. Semasa bertugas di

situ juga beliau telah dianugerahkan bintang DMSM yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Yang Di Pertua Negeri Melaka pada tahun 1980⁵⁴ dan gelaran Datuk Wira pada tahun 2001.

Walaupun beliau telah bersara selepas terlibat di dalam politik dan alam kerjayanya, beliau masih aktif dalam pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sukarela. Antaranya beliau telah menjadi ahli Lembaga Bahasa Melayu Melaka atau lebih dikenali sebagai Persatuan Penulis sejak tahun 1957 hingga kini, memberi ceramah-ceramah mengenai isu-isu semasa, peristiwa sejarah dan kerjaya di sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka dan masih aktif sebagai Pengerusi Khairat Kematian di Kampung Lubuk Redan dari tahun 1967 hingga 1989. Selain terlibat dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan, beliau menjadi ahli Lembaga Muzium Melaka dari tahun 1984 hingga 1998 dan kini menjadi Pengerusi Koperasi Pekebun-Pekebun Kecil di Ramuan Cina, Melaka.⁵⁵

Walaupun kini usianya telah menjangkau 70-an, namun beliau masih mampu dan cergas berfikir dan berucap. Sebagai salah seorang tokoh veteran UMNO Melaka beliau sepatutnya dibanggakan sebagai seorang tokoh yang banyak pengalaman dan pengetahuan.



Gambar 4.5: Md Jadi b. Lahum

Md Jadi Bin Lahum

Sebagai seorang perintis awal UMNO, beliau tidak begitu dihargai dan dikenali ramai. Beliau seperti “lilin membakar diri” untuk orang lain. Beliau seorang pengasas UMNO yang telah dilupakan. Md jadi B. Lahum dilahirkan pada 1916 di Kampung Nyalas, Jasin Melaka dengan mendapat pendidikan awal di kampungnya. Beliau merupakan antara pengasas UMNO apabila parti itu ditubuhkan dengan rasminya di Melaka pada 28 Mac 1948⁵⁶ selaras dengan UMNO dianggotai orang perseorangan setelah dipersetujui penubuhannya oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu di seluruh negara.


Dalam satu Mesyuarat Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka (PMSM) untuk menubuhkan UMNO, beliau telah terpilih menjadi Ahli Jawatankuasa bersama lapan orang yang lain termasuk Ahmad B. Jamal sebagai Yang Di Pertua dan Mohamad Ali B. Mohamad sebagai Setiausaha. Selepas beliau tamat menjalani kursus perguruan di MPSI pada tahun 1937, beliau telah menganggotai Kesatuan Melayu Melaka dalam tahun 1938 dengan memegang jawatan Setiausaha Kesatuan bahagian Jasin.

Selain bergiat dalam politik beliau turut menjadi seorang penulis dan media sebagai alat untuk melahirkan semangat perjuangannya. Di antara media yang pernah menyiar kan karyanya ialah *Warta Ahad*, *Warta Jenaka*, *Majlis*, *Mastika*, *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman*.⁵⁷ Sebahagian besar karyanya berkisar tentang perjuangan kebangsaan dan dilahirkan atas kesedaran dirinya sendiri seperti orang Melayu memerlukan ilmu pengetahuan untuk maju dan bertanding dengan orang-orang asing, orang Melayu mestilah mempunyai

semangat membela nasib bangsa Melayu, serta mempunyai semangat berpesatuan, bekerja keras dan mempunyai pemimpin yang bertanggungjawab dan kebangsaan Melayu sangat penting bagi orang-orang Melayu manakala orang-orang yang bukan Melayu janganlah diharapkan untuk memajukan bangsa Melayu.

Mesej-mesej tersebut disimpulkan dalam setiap hasil karyanya terutama yang berbentuk puisi dengan ditambah beberapa penekanan lagi bagi mengukuhkan pendapat. Di antara puisi beliau yang masih terkumpul ialah ‘Tuntutlah Ilmu’, ‘Ku Ingatkan’ dan ‘Kebangkitan Melayu’.⁵⁸

Kesimpulannya Md Jadi B. Lahum merupakan seorang pejuang kebangsaan yang sentimental tetapi bersemangat kental dalam menjalani kehidupan yang sederhana. Beliau adalah di antara puluhan tokoh-tokoh pejuang yang memulakan langkah awal dalam lapangan perjuangan kemerdekaan tanah air tetapi hanya meraih pada tahap kesederhanaan sahaja daripada hasil kejayaan perjuangan itu.



Gambar 4.6: Mohd Ali Salleh

Mohd Ali Salleh

Salah seorang pengasas UMNO yang dilupakan juga ialah Mohd Ali Salleh. Beliau lebih dikenali dengan panggilan 'Ali Sault' kerana beliau bertugas sebagai kerani bagi sebuah firma guaman British-Saault & Co. Beliau telah menceburkan diri dalam Kesatuan Melayu Melaka (KMM) dengan hasrat bersama-sama tokoh-tokoh Melayu seperti Jasmi Abdul Hamid dan Sudir Ab. Rahman untuk menubuhkan UMNO seterusnya menuntut kemerdekaan walaupun ketika itu beliau bekerja dengan firma guaman milik British.⁵⁹

Ketika menganggotai KMM, beliau sering bergilir jawatan Pengurus dan Setiausaha dengan Jasmy Abdul Hamid sejak tahun 1946 hingga tahun 1948. Pada 1 hingga 4 Mac 1946, beliau bersama Jaafar Alang, Mohd Yusuf Harun dan Haji Talib Abdul Karim mewakili KMM dalam perhimpunan Kongres Melayu pertama yang berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur. Dalam kongres ini, orang Melayu telah sepakat untuk menubuhkan UMNO.

Setelah UMNO ditubuhkan pada 11 Mac 1946, beliau terus bergiat cergas. Beliau pernah memberi ceramah-ceramah bagi menjelaskan betapa pentingnya penubuhan UMNO untuk bangsa Melayu yang diadakan secara tertutup di rumah-rumah untuk mengelakkan prasangka pihak penjajah atau tali barutnya. Selain itu beliau sentiasa berkongsi belanja dengan ahli jawatankuasa yang makan dan minum dalam satu-satu mesyuarat atau ceramah-ceramah parti.⁶⁰ Pejabatnya di River Side Road (sebelah kiri Jalan Laksamana) telah dijadikan pejabat urusetia UMNO dan tempat mesyuarat parti.

Selain bergiat di dalam politik, Mohd Ali pernah menjadi Setiausaha Majlis Perbandaran Melaka. Pada tahun 1960-an beliau telah ditawarkan jawatan perunding di Brunei. Di Brunei beliau telah menjadi Penasihat Undang-Undang dan pernah memangku jawatan Peguam Negara. Jawatan terakhir beliau di Brunei ialah Peguamcara Negara dan beliau dianugerahkan gelaran Dato' oleh DYMM Sultan Brunei Darussalam.⁶¹

Kesimpulannya walaupun nama tokoh ini tidak begitu bersinar dan terserlah namun peranan serta perjuangannya ke arah penubuhan UMNO dan usaha menuntut kemerdekaan perlulah dihargai dan dikenang serta disenaraikan namanya sebaris dengan tokoh-tokoh pejuang bangsa yang lain.



Gambar 4.7: Asmah bt. Alang

Asmah Binti Alang

Seorang tokoh wanita UMNO Melaka yang telah menjadi pengasas Bahagian Wanita UMNO Melaka. Beliau merupakan isteri kepada Tun Ghaffar Baba dan adik bongsu kepada Jaafar Alang⁶² yang merupakan tokoh awal yang menubuhkan UMNO Melaka. Asmah merupakan seorang tokoh wanita yang tidak asing di kalangan ahli-ahli UMNO baik wanita atau pemuda telah bersama-sama mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan pergerakan Kaum Ibu UMNO. Pergerakan Kaum Ibu UMNO ditubuhkan di Kampung Mortan iaitu di halaman rumah Encik Hashim salah seorang ahli UMNO yang aktif dalam tahun 1960-an.⁶³

Pada tahun 1960, beliau telah dilantik menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO Melaka, tetapi memandangkan suaminya Ghaffar Baba sendiri adalah ketua bahagian maka beliau telah menarik diri dari perlantikan itu. Namun akhirnya beliau menerima jawatan tersebut dari tahun 1961 hingga tahun 1973 tanpa bertanding.

Menceritakan pengalamannya memimpin Wanita UMNO Melaka selama 12 tahun beliau berkata kejayaannya membawa kemajuan kepada ahli-ahli wanita adalah di atas kesanggupannya sebagai pemimpin turun menemui ahli-ahli biasa tidak mengira mereka dari pada orang-orang yang susah di kampung pedalaman. Pada tahun permulaan memegang jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Melaka cuma mempunyai kira-kira 2000 ahli. Jumlah itu kini telah melebihi 14000 lebih ramai daripada ahli UMNO sendiri yang berjumlah kira-kira 10,000 orang.

Sebagai salah seorang pemimpin, beliau tidak dapat lari dari pengalaman pahit manisnya. Beliau pernah meninggalkan anak-anaknya seramai empat orang di bawah jagaan pembantu rumah untuk pergi ke cawangan-cawangan pedalaman untuk memujuk kaum wanita keluar mengambil bahagian dalam politik. "Wanita di kala itu bukan sahaja malu-malu untuk keluar rumah tetapi mereka enggan apatah lagi untuk mengajak mereka untuk berucap di khalayak ramai. Jadi sebagai pemimpin, sungguhpun saya tidak ada pelajaran tinggi, saya gunakan cara sendiri untuk menarik mereka mendekati perjuangan parti. Dengan kerjasama ahli-ahli jawatankuasa, kami berjaya bukan sahaja setakat menambah ahli tetapi juga mendapatkan mereka bersama-sama aktif dalam perjuangan parti". Jelas beliau. "Tetapi jarang sekali saya keluar menemani ahli-ahli wanita bersama dengan suami ketika beliau menemani ahli-ahlinya. Saya keluar sendiri-sendiri bersama-sama ahli jawatankuasa wanita atau bersama pemuda. Cara kami menemui ahli itu pun tidak mudah, kadang-kadang dengan menaiki kereta saya sendiri atau kadang-kadang kena berjalan kaki berbatu-batu", Asmah bercerita.⁶⁴

Antara perkara yang awal ditekankan untuk menarik hati ahli ialah dengan mengambil tahu soal kebajikan mereka. Mereka yang susah dan perlukan bantuan akan dibantu seberapa terdaya oleh ahli-ahli jawatankuasa. Rumahnya sendiri dianggap oleh ahli-ahli sebagai pejabat kebajikan, mereka tidak segan-segan datang mengadu masalah dan yang mana dapat ditolong akan terus diberi perhatian. Pada masa lapang, beliau telah menyewa sebuah bas dan mengetuai ahli-ahli jawatankuasa lain menemui ahli-ahli biasa mengambil tahu keadaan mereka di samping memberi penerangan mengenai cara hidup baru yang akan meninggikan taraf hidup mereka.

Semasa musim pilihanraya, beliau dan ahli jawatankuasa yang lain sering lewat pulang ke rumah. Walaupun kini beliau tidak lagi menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO Melaka tetapi sentiasa mengambil berat mengenai perjalanan politik negeri. Beliau menolak permintaan untuk menjadi Ketua Kaum Ibu di Melaka kerana kini beliau telah tinggal di Kuala Lumpur dan merasakan adalah lebih baik diberi tanggungjawab ini kepada pemimpin lain yang tinggal di Melaka. Walau bagaimanapun beliau masih aktif dalam Pergerakan Wanita dengan menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Tertinggi Wanita UMNO Malaysia.⁶⁵

Hingga tahun 1988, beliau tidak aktif seperti tahun-tahun 1960-an namun beliau masih lagi mengikuti perkembangan politik tanah air lebih-lebih lagi politik negeri Melaka. Kesimpulannya beliau sepatutnya dijadikan contoh wanita yang mempunyai ketabahan dan kesungguhan untuk memperjuangkan kebajikan kaum ibu dari awal hingga beliau bersara dari bidang politik.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa mereka ini semuanya adalah pemimpin-pemimpin Melaka yang setia kepada parti UMNO dari dulu hingga sekarang. Mereka telah banyak bekorban masa, tenaga dan wang demi mengukuhkan kedudukan parti. Sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin awal UMNO Melaka dilihat adalah dari golongan guru Melayu yang mempunyai pendidikan dari MPSI. Ada di antara pemimpin-pemimpin ini diberi gelaran sebagai penghargaan pengorbanan dan jasa mereka oleh kerajaan negeri dan ada juga yang tidak mendapat gelaran tersebut. Sikap yang ikhlas, gigih berusaha dan sikap kepimpinan mereka ini sepatutnya dicontohi dan dikenangi oleh generasi hari ini.

Nota Hujung

- ¹ Jaafar Alang, 1976. "Perihal Saya", Sungai Udang, Melaka, hlm. 5.
- ² *Ibid.*, hlm. 47.
- ³ *Ibid.*, hlm. 52.
- ⁴ *Ibid.*, hlm. 60.
- ⁵ *Ibid.*, hlm. 66.
- ⁶ *Ibid.*, hlm. 176-184.
- ⁷ *Ibid.*, hlm. 185-189
- ⁸ *Ibid.*, hlm. 190-192
- ⁹ Mokhtar Petah, 1992. "Ghaffar Baba Bertongkatkan Paruh", dalam *Majalah Suara Pemuda, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia*, Kuala Lumpur, hlm. 6.
- ¹⁰ Abdul Latiff Hj Abdul Kadir, 1984/85. "Profil Politik Abdul Ghaffar Baba Dalam UMNO", Latihan Ilmiah Rancangan Penulisan Kreatif dan Diskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 36.
- ¹¹ Mohd Taib Osman, 1993. *Ghaffar Baba*, Gateway Publishing House, Petaling Jaya, hlm. 8.
- ¹² *Watan*, 22 Oktober 1993
- ¹³ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, Melaka, hlm. 52.
- ¹⁴ *Ibid.*, hlm. 65.
- ¹⁵ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 85.
- ¹⁶ Mohd Taib Osman, 1993. *op.cit.*, hlm. 16.
- ¹⁷ K.S Milne dan Diane K Mauzy, 1982. *Politik dan Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 170.
- ¹⁸ Temuramah bersama Datuk Wira Borhan Mohd Yaman di Klebang Besar Melaka pada 7 November 2000.
- ¹⁹ "Politik Guru" digunakan untuk menggambarkan golongan yang menguasai UMNO Melaka, tetapi adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa keadaan ini diwarnakan sendiri oleh Ghaffar. Sejak UMNO Melaka dipimpin oleh Ghaffar, hanya golongan guru lepasan maktab perguruan sahaja yang menunjukkan minat untuk menganggotai UMNO. Keseluruhananya 80 peratus anggota UMNO pada masa Ghaffar memegang jawatan ketua UMNO Melaka adalah terdiri daripada guru. Pada masa yang sama, tidak ada golongan cerdik pandai ataupun yang mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi dari guru maktab di dalam UMNO Melaka. Oleh kerana tiada pilihan lain, maka golongan ini jugalah yang dilantik oleh Ghaffar untuk menegang jawatan penting di dalam UMNO Melaka.
- ²⁰ *Malaya Merdeka*, 23 Jun 1955.
- ²¹ Federation Of Malaya, 1960. *Report On The Parliament And State Election 1959*, Government Printers, Kuala Lumpur, hlm. 38.
- ²² Mohd Taib Osman, 1993. *op.cit.*, hml. 26.
- ²³ *Ibid.*, hlm. 29.
- ²⁴ *Ibid.*, hlm. 32.
- ²⁵ *Utusan Melayu*, 16 Mac 1964.
- ²⁶ *Utusan Melayu*, 11 Januari 1962.
- ²⁷ *Utusan Melayu*, 8 Mei 1986.
- ²⁸ *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 1993.
- ²⁹ Malaysia, 1975. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, sabah dan Sarawak tahun 1974*, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, hlm. 115-119.
- ³⁰ *Utusan Malaysia*, 8 Mei 1986.
- ³¹ *Watan*, 22 Oktober 1993.
- ³² Malaysia, 1980. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Kecuali Dewan-dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978*, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 119-122.
- ³³ Mohd Taib Osman, 1993. *Ghaffar Baba*, hlm. 45.
- ³⁴ *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 1993.

³⁵ Ramuan China terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ramuan China Kecil dan Ramuan China Besar. Pembahagian ini dibuat kerana saiznya yang luas dan untuk memudahkan pentadbiran. Ramuan China ini terletak di dalam Parlimen Alor Gajah, bersempadan dengan Negeri Sembilan. Habbulmatain Bte Maliki, 1986/1987. "Datuk Setia Ustaz Abdul Ghani Ali Ketua Menteri Melaka 1972-1978" Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 1.

³⁶ Abdul Hadi ialah seorang tokoh politik kampung yang berani dan tegas. Perjuangannya lebih mirip kepada corak perjuangan dan kemerdekaan Indonesia. Beliau pernah ditahan selama setahun di Batu Gajah Perak dan dua tahun di Muar kerana disyaki terlibat sama sewaktu konfrantasi Indonesia-Malaysia tahun 1963. Beliau adalah tokoh politik yang teguh pendirian, disegani dan tidak mudah dikuasai. Ibid., hlm. 8.

³⁷ Malaysia, 1972. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak tahun 1969*. Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, hlm. 100-103 dan 2-63.

³⁸ *Utusan Malaysia* 19 Ogos 1977.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ *Utusan Melayu* 18 Disember 1976.

⁴¹ Habbulmatain Bte Maliki, 1986/87. op.cit., hlm. 57.

⁴² *Utusan Malaysia*, 23 Disember 1976.

⁴³ Ibid., hlm. 67.

⁴⁴ Temuramah dengan Datuk Wira Borhan B. Yaman di Klebang Besar, Melaka pada 26 Mac 2001.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Jabatan Perhubungan Malaysia, 1983. "Sumbangsih Pemuda Malam Kenangan", Kuala Lumpur, hlm 51.

⁴⁸ Temuramah dengan Datuk Wira Borhan Md Yaman pada 26 Mac 2001.

⁴⁹ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. op.cit., hlm. 60.

⁵⁰ *Utusan Pemuda*, 22 Oktober 1960.

⁵¹ Temuramah dengan Datuk Wira Borhan Md Yaman pada 26 Mac 2001.

⁵² Ibid.

⁵³ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. op. cit., hlm. 61.

⁵⁴ Jabatan Perhubungan Malaysia, 1983. op.cit., hlm. 52.

⁵⁵ Temuramah dengan Datuk Wira Borhan Mad Yaman pada 26 Mac 2001.

⁵⁶ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. op.cit., hlm. 47.

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ Ibid., hlm. 48.

⁵⁹ Ibid., hlm. 50.

⁶⁰ Ibid

⁶¹ Ibid.

⁶² Jaafar Alang, 1976. op.cit., hlm. 6.

⁶³ Kementerian Penerangan Malaysia, 1974. "Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia". Kuala Lumpur, hlm. 28.

⁶⁴ Ibid., hlm. 29.

⁶⁵ Ibid.

Penutup

Kesedaran berpolitik orang Melayu di dalam politik telah wujud sebelum Perang Dunia Kedua lagi namun ianya lebih mirip kepada kesedaran untuk memajukan diri dalam bidang sosial seperti pendidikan dan perniagaan. Pada masa ini kesedaran untuk membebaskan diri daripada penjajahan British masih belum ketara. Kemunculan Kaum Muda yang dipelopori oleh orang Melayu Arab telah menjadi pemangkin kepada kesedaran orang Melayu untuk memperbaiki kegiatan ekonomi dan sosial mereka ketika itu.

Kemunculan reformis Melayu yang menerbitkan beberapa surat khabar seperti *Neraca*, *Seruan Al-Azhar*, *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Saudara* dan sebagainya turut membantu memberi kesedaran terhadap orang Melayu yang telah ketinggalan dalam kedua-dua sektor penting ini berbanding dengan bangsa lain seperti Cina yang telah maju ke hadapan dalam bidang perniagaan.

Selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua telah menyebabkan Parti Komunis Malaya telah mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dan telah memerintah secara kejam selama 13 hari di Tanah Melayu. Kekejaman mereka ini telah menyebabkan orang Melayu menyimpan perasaan anti-penjajah dan anti-Cina kemudiannya.

Apabila pihak British kembali semula ke Tanah Melayu dan ingin memperkenalkan Malayan Union, orang-orang Melayu telah bangun menentang secara besar-besaran di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1, 2, 3 dan 4 Mac 1946 melalui satu kongres yang dikenali sebagai Kongres Melayu Semenanjung. Dalam keadaan yang tertekan ini telah muncul beberapa orang

pemimpin Melayu seperti Dato' Onn b. Jaafar dari Johor, Zainal Abidin b. Ahmad dari Selangor, Dato' Nik Ahmad Kamil dari Kelantan, Datuk Panglima Bukit Gantang dari Perak dan ramai lagi pemimpin lain yang datang dari setiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu, untuk menjadi penggerak kesedaran dan kegiatan politik kebangsaan orang Melayu.

Lanjutan daripada perhimpunan pertama ini, di dalam perhimpunan kedua Kongres Melayu Semenanjung yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946, satu pertubuhan orang-orang Melayu telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau United Malay National Organization (UMNO). Dato' Onn Jaafar telah dilantik menjadi Yang Dipertua Agong UMNO pertama.

Melalui pertubuhan UMNO ini, pemimpin-pemimpin Melayu telah mendesak supaya gagasan Malayan Union dibatalkan dan akhirnya diganti dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 dan seterusnya mereka telah mendesak kerajaan British memberi kemerdekaan penuh kepada Tanah Melayu pada tahun 1957.

Dengan segala perkembangan ini, sejarah penubuhan UMNO Bahagian Melaka yang telah dirangka bagi melicinkan dan melancarkan pentadbiran dan kebijakan serta memajukan orang Melayu. UMNO Bahagian Melaka diasaskan berdasarkan beberapa peringkat iaitu antara tahun 1946-1948 ianya adalah bersifat gabungan. Semua pertubuhan-pertubuhan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu termasuk dua pertubuhan Melayu di Melaka iaitu Kesatuan Melayu Melaka dan Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka telah bergabung di bawah UMNO.

Namun kelemahan-kelemahan untuk mencari pengaruh antara persatuan-persatuan gabungan telah membawa perubahan dalam UMNO di mana sistem ahli daftar terus diadakan pada tahun 1949. Bermula dari saat ini UMNO Bahagian Melaka telah bergerak dengan aktif untuk meramaikan bilangan ahli dan untuk menjaga kebajikan penduduk Melaka. UMNO Bahagian Melaka juga turut memberi sumbangan ke arah mencapai kemerdekaan apabila ia bertindak sebagai tuan rumah menyambut misi kemerdekaan untuk mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Padang Bandar Hilir Melaka pada tahun 1956.

UMNO Melaka telah memperlihatkan prestasi yang amat baik di sepanjang pertumbuhannya melalui keputusan pilihanraya umum bagi negeri Melaka dari tahun 1959 hingga tahun 1986. Daripada pemerhatian ini dapatlah dikatakan bahawa negeri Melaka merupakan salah satu negeri yang berkubu kuat bagi UMNO (Perikatan, Barisan Nasional). Sebagai bukti sejak pilihanraya pertama tahun 1959 hingga 1986, Perikatan Melaka tidak pernah tewas dengan parti lawan dan tetap menerajui pemerintahan Melaka di bawah kerajaan Perikatan / Barisan Nasional.

Kesemua kejayaan UMNO ini tidak akan berlaku jika UMNO tidak mempunyai para pemimpin dan penyokong yang setia kepadanya. Para pemimpin-pemimpin di peringkat negeri dan ‘grassroot’ mereka sebenarnya adalah nyawa kepada kejayaan UMNO keseluruhannya. Disertasi ini adalah sebagai salah satu cara memperingati dan mengenang jasa mereka serta memberi pengajaran kepada generasi akan datang.